



EXCO KESIHATAN AWAM & ALAM SEKITAR

KITASELANGOR

KENYATAAN MEDIA - 23 OGOS 2025

KEMPEN BEBAS PLASTIK DI SABAK BERNAM TANDA KOMITMEN SELANGOR MENUJU NEGERI SIFAR PLASTIK

Kempen Bebas Plastik Siri 3 di Sabak Bernam hari ini merupakan kesinambungan kepada siri kempen terdahulu yang telah dilaksanakan di Bagan Lalang, Sepang dan Klang.

Pemilihan Sabak Bernam sebagai lokasi penganjuran siri ketiga amat signifikan kerana ia merupakan daerah yang berbeza demografinya. Sabak Bernam merupakan sebuah kawasan pertanian, perikanan dan desa yang menjadi nadi penting negeri Selangor.

Kawasan ini juga mewakili suara komuniti luar bandar yang juga berdepan dengan cabaran pencemaran plastik. Kita mahu pastikan mesej kelestarian ini tidak terhenti di bandar, tetapi sampai ke seluruh pelosok negeri.

Untuk makluman, Selangor kini sedang giat melangkah ke hadapan selari dengan Pelan Halatuju ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna dan dalam proses memuktamadkan pelan ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna Negeri Selangor menjelang tahun 2030.

Dalam menuju matlamat tersebut, antara strategi ditekankan ialah pembentukan sokongan dasar serta perundangan yang kukuh. Antara langkah penting dicadangkan termasuklah pelaksanaan hari tanpa beg plastik sekali guna pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad, serta penetapan larangan penggunaan polisterena serta penyedut minuman plastik sebagai syarat dalam permohonan lesen perniagaan.

Program kutipan caj beg plastik untuk hari Isnin hingga Khamis juga sedang ditambah baik melalui semakan semula undang-undang serta pewartaan garis panduan baharu.

Suatu kadar caj baharu akan diumumkan tidak lama lagi bagi menggalakkan lebih ramai pengguna membawa beg guna semula masing-masing.

Selain itu, pindaan terhadap undang-undang kecil dan keperluan pindaan syarat lesen juga akan dimuktamadkan supaya pelaksanaan dasar ini lebih menyeluruh dengan penyertaan dari semua premis perniagaan yang terlibat.

Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pekeliling bagi melarang penggunaan plastik sekali guna di bangunan kerajaan. Program seperti hari ini juga menjadi contoh bagaimana program atau acara yang dianjurkan, sama ada oleh sektor awam atau swasta, boleh dilaksanakan dengan sifar penggunaan plastik sekali guna.

Secara keseluruhan, semua pendekatan ini bersifat menyeluruh merangkumi dasar, perundangan, pemantauan dan penguatkuasaan, bagi memastikan Selangor berada di landasan betul untuk mencapai matlamat sifar penggunaan plastik sekali guna secara progresif dan berkesan.

Sempena bulan kebangsaan ini, Kerajaan Negeri mengajak seluruh rakyat Selangor untuk “merdekakan diri” daripada kebergantungan terhadap plastik sekali guna. Dengan semangat bersatu padu dan komitmen bersama, Selangor mampu muncul sebagai model negeri paling bersih, hijau dan lestari di Malaysia.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar